

## Pengajaran KBAT Merentas Kurikulum: Cabaran Guru dalam Pelaksanaan

<sup>1</sup>Christina Andin & <sup>2</sup>Rosmiza M.Z

<sup>1</sup>Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

<sup>2</sup>Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Corresponding author: christina@ums.edu.my

Dihantar: 16 Julai 2022/Penambahbaikan: 28 September 2022/Diterima 29 Oktober/Terbit 28 Februari 2023

DOI: <https://doi.org/10.51200/jpp.v11i1.4280>

### Abstrak

Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) merentas kurikulum memerlukan semua guru melaksanakan perubahan pendekatan pengajaran daripada berpusat guru kepada berpusatkan pelajar. Guru bukan lagi sebagai pemberi maklumat dan pelajar bukan lagi sebagai penerima yang pasif. Guru perlu menjadi fasilitator pembelajaran dan pelajar perlu aktif dalam pembelajaran. Walau bagaimanapun, kajian lepas mendapati pelaksanaan KBAT kurang berkesan. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk meneroka pengalaman guru terutamanya dalam aspek cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan. Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kualitatif secara temu bual mendalam bersama 6 orang guru di sekolah menengah. Hasil kajian menunjukkan terdapat empat elemen utama dalam cabaran pelaksanaan KBAT iaitu inovasi, guru, persekitaran dan pemantauan. Elemen inovasi dikaitkan dengan aspek fundamental seperti kerencaman dasar versus keupayaan melaksana. Elemen guru berkisar dengan kesediaan guru seperti pengetahuan dan kemahiran. Elemen persekitaran berkait dengan faktor budaya organisasi seperti budaya kerja, kepimpinan sekolah, motivasi kerja, dan infrastruktur sokongan. Elemen pemantauan memberi fokus kepada faktor seperti penilaian pencapaian dasar. Hasil kajian ini boleh digunakan bukan sahaja oleh guru sebagai pelaksana, tetapi juga pembuat dasar, untuk tujuan penambahbaikan berterusan agar objektif dasar KBAT dapat dicapai.

**Kata kunci:** Kemahiran Berfikir Aras Tinggi, Cabaran, Guru

### Pengenalan

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah memperkenalkan sebuah dasar perubahan pendidikan yang dikenali sebagai Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) pada tahun 2013 yang selaras dengan pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPM) 2013-2025 iaitu bertujuan untuk melahirkan murid yang berfikiran aras tinggi dan juga berdaya saing di peringkat global. Terdapat tujuh elemen yang dikategorikan daripada tiga elemen utama iaitu elemen kurikulum, elemen pedagogi dan elemen pentaksiran. Di samping itu, KBAT turut mempunyai elemen sokongan seperti kokurikulum, sokongan komuniti dan swasta, sumber dan bina upaya. Pendekatan KBAT yang diterapkan dalam sesi pembelajaran juga menggalakkan murid untuk memahami sesuatu topik dengan menguasai beberapa kemahiran iaitu kemahiran menilai, mengaplikasi, menganalisis dan mencipta.

Kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis melibatkan daya pemikiran pada tahap aras tinggi. Walau bagaimanapun penerapan KBAT masih kurang ditekankan dalam pengajaran. Misalnya, melalui keputusan peperiksaan bagi mata pelajaran matematik menunjukkan bahawa penerapan KBAT masih kurang diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran (Siti Marlina, 2013). Terdapat beberapa isu yang timbul dalam melaksanakan KBAT dalam pembelajaran. Antaranya ialah kurang persediaan dan keperluan para guru dalam merancang pembelajaran berteraskan KBAT di sekolah kerana berlakunya keciran maklumat di peringkat kursus dalaman (Nooriza Kassima & Effandi Zakaria (2015). Dalam masa yang sama, kesediaan para pelajar perlu dititikberatkan agar mereka mampu memahami pembelajaran dengan lebih efektif melalui penyampaian guru (Rahayu Lasan, 2017). Kajian yang dilakukan oleh Nur Shahirah dan Zamri Mahamod (2021) mendapati guru mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi dan mengamalkan sikap yang positif terhadap pelaksanaan KBAT. Namun, proses pembelajaran tidak dapat berjalan dengan baik apabila tidak mendapat kerjasama daripada para pelajar semasa proses pembelajaran berlangsung. Pelaksanaan KBAT adalah saling berkaitan dengan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) yang mempunyai matlamat melahirkan masyarakat yang berfikiran aras tinggi namun terdapat hasil kajian yang menunjukkan para guru belum mempunyai persediaan yang mantap dalam melaksanakan KBAT dan PAK21 atas beberapa faktor seperti kekurangan infrastruktur yang bersesuaian, kekurangan bahan sokongan pengajaran dan tahap pencapaian pelajar ( Bael et al., 2022).

Kajian ini bertujuan untuk meneliti cabaran pelaksanaan yang dihadapi oleh para guru khususnya dalam melaksanakan dasar KBAT di sekolah menengah. Kajian ini berpandukan kepada beberapa model perubahan. Walaupun terdapat kajian mengenai cabaran pelaksanaan KBAT, namun kajian terhad kepada kaedah kuantitatif dan kurang mengaplikasikan model perubahan dalam pendidikan. Aplikasi model membolehkan elemen cabaran boleh diterokai dengan lebih menyeluruh

### Sorotan Kajian

Perubahan pendidikan merupakan satu cabang baru dalam kajian pendidikan dengan fokus utama untuk membawa penambahbaikan dalam pendidikan. Menurut Waks (2007), kemunculan bidang kajian ini dalam tahun 1980an mempunyai kaitan rapat dengan kebanjiran reformasi pendidikan di Amerika apabila “*A Nation at Risk*” dilancarkan . Sejak itu, perubahan pendidikan diberikan penekanan di seluruh dunia. Hargreaves et al. (2005) menyatakan “*Educational change is ubiquitous. It figures large in Presidential and Prime Ministerial speeches. It is at or near the top of many national policy agendas. Everywhere, educational change is not only a policy priority but also major public news.*” (p.vii)

Menurut Sufean (2004), perubahan mempunyai kaitan dengan istilah seperti anjakan, peralihan, transformasi, inovasi atau refomasi. Maka, istilah “perubahan pendidikan” sering disama erti dengan istilah seperti “reformasi pendidikan” dan “inovasi pendidikan”. Walau bagaimanapun, kedua-dua istilah tersebut tidak serupa, namun mempunyai perkaitan. Mengulas mengenai perkaitan antara istilah “perubahan” dengan “inovasi” dalam pendidikan, Miles (1964) misalnya menyatakan bahawa inovasi merupakan sejenis perubahan yang bersifat asli, khusus serta terancang. Inovasi boleh dihasilkan daripada gabungan beberapa amalan lama untuk menghasilkan idea baru yang unik (Roger, 2003). Sementara itu, istilah reformasi pula melibatkan perubahan pendidikan berskala besar (Adam & Chen, 1981) iaitu meliputi semua sekolah, daerah dan negeri. Reformasi merupakan salah satu cara untuk membawa perubahan

dan pendekatan khusus untuk penyelesaian masalah dalam pendidikan. Menurut Farkas (1999), reform merupakan mandate bersifat top down daripada pengurusan pendidikan berpusat. Oleh yang demikian dapat disimpulkan bahawa perubahan merupakan matlamat kepada inovasi dan reform.

Salah satu faktor kesukaran dalam melaksanakan dasar pendidikan dengan jayanya adalah disebabkan keadaan yang paling dominan dalam bidang pendidikan iaitu berasaskan sistem berpusat (*centralised system*) dan akhirnya mewujudkan pemisahan antara pembuat dasar dan pelaksana dasar (Darling-Hammond, 1990). Inovasi pendidikan yang diperkenalkan namun gagal mencapai matlamat asal dipengaruhi oleh faktor pemisahan dalam kalangan pembuat dasar dan pelaksana dasar yang dikenali sebagai *mismatch* antara *intended change and actual change* (Micheal Fullan, 2005). Sehubungan dengan ini, berlakunya percanggahan tafsiran dan pelaksanaan di antara para guru dan penggubal dasar iaitu pihak KPM terhadap dasar yang dilaksanakan di sekolah. Menurut Mail (2018), konflik dalam pelaksanaan dasar awam berpunca daripada polisi yang agak bercanggah kerana perancangan polisi dan pelaksana polisi tidak seiring kerana pelaksanaan polisi tertumpu kepada peringkat pelaksana sahaja.

Beberapa model perubahan pendidikan digunakan dalam kajian ini untuk mengkaji pelaksanaan KBAT di sekolah. Model C-R-E-A-T-E-R (Havelock, 1977; Havelock & Zlotolow, 1995) merupakan model utama yang menjadi tunggak kepada model-model perubahan yang lain. Terdapat 6 tahap perubahan terancang (The Stage of Planned Change) dalam Model C-R-E-A-T-E-R iaitu *Care, Relate, Examine, Acquire, Extend* dan *Renew* yang dikategorikan kepada tiga bahagian mengikut elemen tertentu seperti Elemen Inovasi, Elemen Guru, Elemen Persekutaran dan Elemen Pengukuhan dan Pemantauan. Model yang terlibat dalam kajian ini merupakan model-model yang berikatan dengan perubahan pendidikan seperti Situasi Perubahan (*Condition of Change*) (Ely, 1990), Penyebaran Inovasi (*Diffusion of Innovations*) (Roger, 1995), Strategi Untuk Perubahan Terancang (*Strategies For Planned Changed*) (Zatman & Duncan, 1977) dan Model Dan Proses Perubahan Sekolah (*School Change Model & Processes*) (Sashkin & Egermeier 1992) dan Model Perubahan Yang Sistemik Dalam Pendidikan (*Systemic Change In Education*) (Reigeluth & Garfinkle, 1994).

## Metodologi

Kajian yang dijalankan adalah menggunakan pendekatan kualitatif dan dilaksanakan melalui temu bual semi struktur secara berperingkat iaitu terbahagi kepada fasa pertama dan fasa kedua. Fasa pertama adalah menggunakan kaedah temu bual menggunakan platform media seperti panggilan telefon dan Google Form. Manakala fasa yang kedua pula adalah fasa sokongan temu bual (*in-depth interview*) iaitu menemubual responden secara bersemuka dengan merekod perbualan untuk mendapatkan data dan maklumat yang lebih terperinci berkenaan dengan dasar KBAT yang dilaksanakan di sekolah. Menurut Phil Coleman (2019), rakaman perbualan adalah pertimbangan yang penting dalam mendapatkan data yang lebih sahih untuk memperoleh data kajian. Model-model perubahan pendidikan dijadikan sebagai panduan untuk membina set protokol soalan kajian yang merangkumi empat elemen utama iaitu inovasi, guru, persekitaran dan pengukuhan dan pemantauan. Persampelan tujuan digunakan dalam kajian ini agar kajian dapat mengumpulkan data dengan memfokuskan ciri-ciri tertentu seperti tempoh perkhidmatan guru berkhidmat di sekolah tersebut. Seramai enam orang guru di sekitar Kota Kinabalu dan Tuaran Sabah ditemu bual secara mendalam. Hasil kajian dianalisis melalui analisis tematik yang berhasil daripada maklumat responden

berdasarkan setiap elemen utama dalam kajian ini.

## **Dapatan Kajian**

Pelaksanaan KBAT memberikan kesan dan cabaran kepada para guru untuk melaksanakannya dalam proses pembelajaran. Analisis menunjukkan terdapat empat elemen cabaran utama dalam kajian ini iaitu elemen inovasi, elemen guru, elemen persekitaran dan elemen pengukuhan dan pemantauan.

### ***Elemen Inovasi***

Elemen pertama ialah sifat KBAT sebagai inovasi pengajaran dan pembelajaran yang dipercayai oleh guru sebagai hanya sesuai untuk pelajar pandai berbanding pelajar pencapaian rendah.

Ya mudah di fahami sekiranya dilaksanakan di sekolah berprestasi tinggi, muridnya dapat memberi jawapan yang relevan dan dapat menguji minda mereka, manakala di sekolah harian biasa kebanyakan murid-muridnya sederhana dan agak lemah dari segi akademik yang sukar untuk mengaplikasi KBAT, memerlukan komitmen yang padu dan konsisten daripada para guru. (Cikgu Halim)

Kelas yang hujung-hujung, masa dihabiskan untuk mengawal kelas saja... sukar untuk ambil perhatian mereka, tiada minat belajar... KBAT memberikan impak yang positif kepada murid yang pandai. Tetapi bagi murid yang berada di kelas belakang, kebanyakan mereka tidak dapat mengaplikasikan KBAT yang telah dipelajari. (Cikgu Aidah)

Pendapat guru berbeza-beza melaksanakan KBAT. Ada yang okay dan ada yang tidak okay. Sejurnya saya tidak berpuas hati dengan pelaksanaan KBAT di sekolah. Tidak puas hati. Sebab pelajar yang mengambil Geografi adalah pelajar dari kelas belakang. (Cikgu Zahid)

Agak sukar melaksanakan KBAT kerana KBAT memerlukan murid memberi pendapat mereka tentang sesuatu tajuk dan lazimnya perlu mengaitkannya dengan situasi semasa, persekitaran... Minda murid-murid masih di takuk lama, hafalan, jawab exam... (Cikgu Halim)

KBAT juga dilihat sebagai satu pembaharuan dalam pengajaran dan pembelajaran yang memerlukan ramai guru. Bilangan guru yang tidak mencukupi dalam sebuah sekolah menjadi cabaran dalam aspek keadaan semasa untuk melaksanakan KBAT atas faktor tugas guru yang agak banyak:

Dengan situasi kekurangan bilangan tenaga pengajar di kebanyakan sekolah di Sabah, pelaksanaan KBAT kurang diterima baik oleh guru-guru disebabkan bebanan tugas yang banyak.(Cikgu Aidah)

Perlu persediaan, guru kurang, beban pun berat, so kita ajar ikut kemampuan saja, silibus pun mau cover juga, dilema la kita (Cikgu Mary)

Guru juga berpendapat bahawa KBAT memerlukan guru kreatif untuk memikirkan aktiviti yang boleh mencabar pemikiran murid. Ini mendorong masalah kepada guru yang merasakan mereka lebih cenderung kepada pemikiran kritis berbanding kreatif.

Tidak semua orang ada sifat kreatif ni... saya lebih kepada pemikiran logik,kritis, kurang kreatif... (Cikgu Fred)

Ada orang sekejap saja dah dapat idea, ada pula lambat, semua benda tak menjadi, macam saya la, cuba ini, cuba itu, pun rasa kurang menarik... jadi perlu masa berganda-ganda untuk come out satu idea menarik... (Cikgu Amri)

Secara keseluruhannya hasil kajian ini memberikan gambaran bahawa guru mempunyai tanggapan KBAT merupakan satu inovasi pengajaran dan pembelajaran yang sukar untuk dilaksanakan secara menyeluruh.

### ***Elemen Guru***

Elemen Guru dalam kajian ini memfokuskan dua aspek iaitu pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan para guru. Bagi aspek pengetahuan, guru belum bersedia sepenuhnya dalam melaksanakan dasar KBAT atas beberapa faktor seperti faktor masa yang tidak mencukupi dan faktor guru bukan opsyen kerana perlu mengajar mata pelajaran yang lain dengan prosedur yang berbeza walaupun mempunyai elemen KBAT yang hampir sama.

Masih belum bersedia sepenuhnya kerana terdapat banyak lagi yang perlu dipelajari mengenai KBAT. Jadual yang padat juga menyukarkan untuk melaksanakan KBAT (Cikgu Zahid)

Tahap pengetahuan KBAT , elemen-elemen KBAT dalam setiap subjek lebih kurang sama. Tapi dari segi prosedur agak berbeza dan saya kurang bersedia dalam subjek Sains yang bukan opsyen saya (Cikgu Fred)

Sebahagian guru tidak diberikan masa yang secukupnya untuk mendalami dasar KBAT kerana terpaksa melaksanakan KBAT atas arahan pihak atasan tanpa memahami konsep KBAT yang sepatutnya. Penerangan yang jelas berkaitan KBAT juga tidak diberikan kepada para guru.

Kurang ruang dan masa untuk hadam KBAT...(Cikgu Halim)

Tidak mencukupi. Pelaksanaan KBAT perlu diberikan penerangan yang jelas kepada guru...duduk dengar, kurang berkesan, lihat, buat, tunjuk contoh, aplikasi kan, kalau setakat dengar teori, macam kurang penghayatan ... Tidak ada pendedahan KBAT. Masih terdapat pelbagai cara untuk melaksanakan KBAT... masih banyak yang perlu saya pelajari. (Cikgu Amri)

Hanya disentuh sikit sahaja sewaktu penataran mata pelajaran Geografi SPM setahun sekali (Cikgu Zahid)

Tidak ada kursus atau latihan yang pernah saya ikut mengenai KBAT... dah

la mengajar bukan opsyen... so mencabar la kalau aplikasikan KBAT ni tanpa ilmu...(Cikgu Fred)

Pemimpin sekolah tidak memainkan peranan dalam melibatkan semua guru untuk turut serta dalam kursus mahupun latihan berkenaan dengan dasar KBAT. Lantaran itu, berlakunya ketirisan maklumat kerana hanya beberapa guru yang diberikan peluang untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tentang dasar KBAT.

Pihak KPM dan PPD telah menyediakan kursus namun hanya seorang/dua orang guru yang menghadiri kursus tersebut untuk menjadi wakil sekolah. Dan guru ini diminta menyampaikan kepada guru-guru lain. Ini menyebabkan berlakunya ketirisan maklumat. Seharusnya setiap guru diberi pendedahan kepada KBAT agar guru lebih memahami KBAT... guru baru juga sentiasa masuk, jadi maknanya program pendedahan ni sepatutnya non-stop la kan dan pastikan semua ada peluang (Cikgu Mary)

### ***Elemen Persekutaran***

Terdapat empat aspek utama dalam elemen iaitu budaya, sosial, infrastruktur, dan motivasi. Aspek budaya dalam kajian ini mendapati budaya kerja dalam melaksanakan dasar KBAT adalah tidak mencapai tahap yang maksimum.

Budaya kerja sesama warga sekolah boleh dikatakan, pada penilaian saya kurang membrangsangkan...tiada team, atau sebarang kerjasama antara guru, masing-masing pandai-pandai buat la begitu...jadi masalahnya yang tidak pandai, tidak pernah berkursus tu, tiada bimbingan daripada mereka yang pernah berkursus... tiada budaya sharing la.... (Cikgu Fred)

Guru kurang memberikan bengkel dan sebagainya kepada rakan guru yang lain... (Cikgu Halim)

Hal ini kerana segelintir pihak kepimpinan sekolah tidak memahami dan tidak menekankan dasar ini dalam kalangan para guru.

Rasanya budaya tu pihak kepimpinan sekolah perlu garap, tekankan... tapi saya tak nampak ini penting kepada mereka (pimpinan sekolah)... maybe banyak hal lain lebih penting yang perlu diuruskan... (Cikgu Aidah)

Ketidak lengkapan infrastruktur sekolah dan bahan-bahan pengajaran menyebabkan guru sukar untuk melaksanakan dasar KBAT bersama dengan pelajar sehingga pelajar terpaksa menyediakan bahan-bahan mereka sendiri semasa proses pembelajaran KBAT.

Hampir semua bahan untuk melaksanakan KBAT adalah daripada pelajar sendiri. Sekolah tidak mendukung sepenuhnya proses pembelajaran KBAT kerana kekurangan bahan... jadi sukar melaksanakan KBAT setiap masa (Cikgu Zahid)

Tahap motivasi yang rendah dapat dilihat dalam aspek organisasi dalam hasil kajian ini. Tugasan guru yang agak banyak menyebabkan tahap motivasi menjadi rendah dan tidak dapat membimbing pelajar sepenuhnya.

Kurang bermotivasi. Hal ini kerana guru dibebani dengan pelbagai kerja lain seperti laporan, analisis, dan sebagainya. Susah mau bimbing studen, masa kurang... (Cikgu Amri)

Terlalu banyak tugas guru yang lain menyebabkan pelaksanaan KBAT sukar dijalankan...buat analisis ini dan itu, laporan, laporan... yang ada due date, berkejar... (Cikgu Halim)

### ***Elemen Pengukuran dan Pemantauan***

Analisa data bagi elemen yang keempat adalah melibatkan aspek refleksi dan pemantauan. Hasil kajian menunjukkan pihak sekolah kurang menekankan tentang sesi refleksi dan pemantauan dasar KBAT dalam kalangan guru.

Tiada pemantauan kepada guru yang dilakukan oleh sekolah semasa melaksanakan KBAT ini. (Cikgu Mary)

Tiada anugerah khas untuk guru cemerlang KBAT, pengiktirafan kurang... (Cikgu Amri)

Dari segi penilaian kurang dilakukan...tiada mesyuarat, bimbingan dan lain-lain. Sekolah hanya menggalakkan guru sahaja. (Cikgu Zahid)

Tidak ada jawatankuasa dibuat. Mungkin pihak sekolah merasakan tidak perlu membuat satu jawatan kuasa dan ini hanya menambah beban kerja guru. (Cikgu Mary)

Secara keseluruhannya daptan kajian berkaitan pemantauan ini memberikan gambaran bahawa KBAT tidak begitu penting kerana tiada tindakan pemantauan dibuat.

### **Perbincangan**

Daptan kajian menunjukkan guru menghadapi cabaran dari segi pemahaman dasar KBAT yang sebenarnya. Guru yang tidak memahami secara keseluruhannya dan mengakibatkan bilangan murid yang memahami KBAT hanya dalam bilangan yang sedikit. Kajian oleh Norashikin Bakar (2015) mendapati bahawa seorang guru mampu mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mempelajari sesuatu perkara semasa proses pembelajaran berlangsung. Pelaksanaan dasar yang tidak teliti menyebabkan pelaksanaan ini tidak menunjukkan impak yang berkesan kepada pelajar. Namun tidak dinafikan, pelaksanaan KBAT bukanlah suatu perkara yang mudah dan perlu dilakukan secara berterusan kerana pelajar mempunyai potensi dan kemampuan yang berbeza-beza (Nabihah Nawi & Mohamed Yusoff Nor, 2018). Pelaksanaan menjadi lebih sukar apabila bilangan guru yang tidak mencukupi dan menyebabkan beban kerja bertambah . Guru tidak didedahkan dengan konsep dasar KBAT melalui kursus mahupun latihan menyebabkan guru hanya melaksanakan KBAT tanpa berlandaskan garis panduan yang sewajarnya. Hal ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Farah Aziana & Fadzilah (2018) yang menunjukkan kebanyakan guru belum bersedia sepenuhnya melaksanakan KBAT kerana tidak mengetahui kaedah untuk menerapkan KBAT dalam pengajaran.

Selain itu, pelaksanaan KBAT di sekolah memerlukan komitmen guru yang sepenuhnya dalam melaksanakan dasar ini terutama dalam kalangan pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang rendah dan lemah. Menurut Mohd Syaubari dan Ahmad Yunus(2018), komitmen guru adalah merujuk kepada aktiviti menerusi kefahaman KBAT setiap pelajar untuk meningkatkan keupayaan pelajar itu sendiri. Sehubungan dengan itu, pelaksanaan KBAT ini menimbulkan reaksi dan tahap kerjasama yang berbeza dalam kalangan para guru. Berlakunya ketidakpuashatian kerana pelaksanaan yang agak rumit kerana pengaplikasian KBAT dalam pengajaran mengambil masa dan penyediaan yang rapi disamping perlu menyelesaikan tugas hakiki guru yang lain. Dapatkan ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Shuib et al. (2019) apabila wujudnya rasa tidak puas hati dalam kalangan guru terhadap pencapaian pelajar yang merosot khususnya bagi format baru bagi soalan-soalan yang berteraskan KBAT. Pelaksanaan KBAT ini juga dilihat tidak direalisasikan sebaiknya sama ada menengah rendah mahupun menengah atas kerana tidak mendapat kerjasama dan respon yang baik daripada guru-guru di sekolah. Guru yang tidak mementingkan pelaksanaan KBAT merupakan salah satu cabaran utama dalam menerapkan dasar ini dalam kalangan para pelajar (Norakma Daud et al., 2016). Justeru, para guru perlu dibekalkan dengan pendedahan yang secukupnya agar mereka boleh mengaplikasikan dan dapat memainkan peranan sebagai pelaksana dasar mengikut ketetapan dasar.

Kajian ini juga mendapati para guru belum bersedia sepenuhnya untuk melaksanakan KBAT di sekolah kerana pengetahuan mengenai KBAT adalah berada pada tahap yang tidak memberangsangkan. Dapatkan ini selari dengan kertas konsep yang membincangkan kesediaan guru terhadap pelaksanaan KBAT yang memerlukan tindakan khusus yang merujuk kepada standard kandungan dan standard pembelajaran (Nurul Nor et al., 2017). Menurut Nooriza Kassima & Effandi Zakaria (2015), guru mempunyai keperluan untuk mengikuti kursus KBAT bagi mata pelajaran tertentu untuk meningkatkan kesediaan guru dari aspek pelaksanaan dan pengetahuan. Sebagai pelaksana dasar KBAT, guru perlulah dibekalkan dengan pengetahuan dan pelbagai kemahiran termasuklah kemahiran instruksional. Namun begitu dapatkan kajian ini bertentangan dengan kajian yang dilakukan oleh Hasmaliza Hasan & Zamri Mahamod (2019) yang menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru terhadap pelaksanaan KBAT adalah berada pada tahap yang tinggi.

Kajian oleh Irni Ismail & Johari Sihes (2016), juga mendapati walaupun guru dilihat bersedia untuk mengaplikasikan KBAT, namun guru-guru masih memerlukan bimbingan. Elemen ini juga mendapati guru tidak diberikan masa yang mencukupi untuk menyediakan dan mengaplikasikan KBAT dalam pembelajaran bersama para pelajar. Tempoh masa proses pembelajaran adalah agak padat menyebabkan guru tidak mempunyai masa yang cukup untuk menyediakan bantu mengajar dan akhirnya elemen KBAT tidak dapat diterapkan (Mohd Syaubari & Ahmad Yunus, 2017). Kajian ini seiring dengan kajian terkini yang dilakukan oleh Syaubari Othman et al. (2021) yang menyatakan peruntukan masa yang terhad untuk menyediakan pembelajaran berteraskan KBAT menyebabkan objektif sebenar KBAT tidak dapat dicapai. Tambahan pula, tidak dinafikan pemimpin sekolah memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan dasar ini yang sememangnya mampu mempengaruhi keberhasilan KBAT di sekolah. Pihak sekolah hanya menghantar beberapa wakil guru untuk mengikuti sebarang kursus mahupun bengkel berkaitan dengan dasar KBAT. Kebiasaan ini telah menyebabkan isu ketirisan maklumat berlaku dalam kalangan guru kerana tidak semua guru di berikan peluang untuk menghadiri kursus tersebut. Dapatkan ini turut selari dengan kajian Nooriza Kassima & Effandi Zakaria (2015) kerana ketirisan maklumat berlaku akibat terdapat perbezaan tempoh masa kursus bagi semua guru.

Hasil kajian berkaitan faktor persekitaran menunjukkan beberapa cabaran pelaksanaan yang merangkumi beberapa aspek iaitu budaya, sosial, organisasi dan psikologi. Kepimpinan sekolah yang tidak mementingkan pelaksanaan KBAT menyebabkan budaya kerja dalam kalangan guru juga tidak sepenuhnya menerapkan KBAT dalam proses pembelajaran. Dapatkan kajian ini adalah selari dengan kajian Nabihah Nawi & Mohamed Yusoff (2018), yang mendapati bahawa terdapat pentadbir sekolah yang tidak memahami konsep KBAT yang seterusnya mempengaruhi kelancaran dan keberkesaan penggunaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran. Walaubagaimanapun hal ini berbeza dengan daptan kajian Fadzilah Patman et al. (2021) yang menyatakan kepimpinan pemimpin sekolah adalah berada pada tahap yang baik dan memberi impak yang positif dalam kalangan guru terhadap pelaksanaan KBAT di sekolah.

Hasil kajian ini mendapati terdapat beberapa cabaran pelaksanaan KBAT daripada persepsi guru di sekolah menengah bagi elemen pengukuhan dan pemantauan. Kajian ini menunjukkan dasar KBAT tidak mempunyai sesi refleksi iaitu dari segi pemantauan dan penilaian yang kerap daripada pihak pemimpin sekolah. Tanpa sesi refleksi dan pemantauan, para guru hanya melaksanakan KBAT mengikut kefahaman masing-masing dan sukar untuk untuk memperbaiki pelaksanaan secara keseluruhannya. Kajian oleh Radin Nur Iftitah dan Mimi Mohaffyza (2017) menunjukkan hasil kajian yang berbeza kerana mendapati sesi refleksi sering kali dilakukan sesama guru walaupun tidak sentiasa berpeluang untuk memantau pengajaran guru yang lain. Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus (2021) juga mendapati bahawa guru sentiasa melakukan refleksi berkenaan dengan topik KBAT yang telah diajar dan secara tidak langsung memberi gambaran bahawa guru sentiasa diberikan penekanan terhadap pelaksanaan KBAT. Lantaran itu, pelaksanaan KBAT di sekolah memerlukan ahli jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk mengatur dan memastikan dasar KBAT mencapai keberhasilan yang maksimum. Menurut Norasmahani et al. (2018), pelaksanaan KBAT secara teratur adalah bermula dengan pendekatan yang berfikir aras rendah. Tanpa pelaksanaan yang sistematik maka dasar KBAT sukar dicapai.

Kajian ini mendapati dasar KBAT memberikan impak yang positif bagi pelajar yang mempunyai tahap akademik yang tinggi kerana kemampuan pelajar yang setanding dengan pengajaran KBAT. Kemampuan pelajar untuk mempelajari KBAT dapat melahirkan pelajar dapat memiliki aras pemikiran yang tinggi dan mampu memahami pembelajaran dengan lebih berkesan (Tuan Rahayu et al., 2017). Meskipun setelah pelaksanaan KBAT, kajian ini mendapati objektif dasar KBAT tidak dapat dicapai sepenuhnya kerana terhalang dengan beberapa kekangan tugas hakiki guru yang perlu diselesaikan. Maka, menurut Saifulazry Mokhtar (2021), pihak bertanggungjawab perlu mengambil tindakan yang sewajarnya untuk menjayakan pelaksanaan KBAT agar dapat menarik minat pelajar yang secara tidak langsung merealisasikan objektif sebenar dasar KBAT.

## **Kesimpulan**

Kesimpulannya, terdapat pelbagai cabaran pelaksanaan dasar KBAT yang wujud dalam kalangan guru. Ini meliputi aspek KBAT sebagai satu inovasi yang sukar dilaksanakan kepada semua murid, guru berhadapan dengan masalah kesediaan yang kurang, budaya yang kurang menyokong pelaksanaan KBAT dan kurang pemantauan. Sehubungan dengan hasil daptan ini, terdapat keperluan untuk melihat kembali strategi pelaksanaan KBAT dengan mengambilkira pengalaman guru yang berhadapan pelbagai cabaran. Cabaran yang dihadapi oleh guru perlu

diberikan perhatian sewajarnya agar pencapaian matlamat dasar pengajaran KBAT dapat direalisasikan dengan jayanya.

## Penghargaan

Kementerian Pengajian Tinggi. FRGS/1/2019/SSI09/UMS/02/5

## Rujukan

- Adam, R.S. & Chen, D.D. (1981). *The Process of Educational Innovation: An International Perspective*. London: Kogan Page.
- Adnan, M., Nawi, N. M., Abdullah, M. F. N. L., Ahmad, C. N. C., & Arifin, N. S. (2018). Pembinaan item Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Matematik Tingkatan Satu untuk topik Pecahan. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 8(1), 46-54.
- Ely, D. P. (1990). Conditions that facilitate the implementation of educational technology innovations. *Journal of Research on Computing in Education*, 23 (2), 298-305.
- Darling-Hammond, L. (1990). Teachers and Teaching: Signs of a Changing Profession. In R. Houston (Ed.), *Handbook of Research on Teacher Education* (pp. 267-289). New York: Macmillan Publishing Company.
- Fadzilah binti Patman, Suhairullah bin Omar Ramih, Mohd Khairuddin @ Jerry bin Abdullah (2021). Kepimpinan Servan Pengetua dan Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Guru di Sekolah Menengah Negeri Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6 (5), 78 – 83.
- Farah Aziana Abdul Aziz & Fadzilah Abd Rahman (2018). Sorotan Kajian Kesediaan Dan Keperluan Guru Bahasa Melayu Dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Di Bilik Darjah: Literature Review:ReadinessandNeeds of Teachers in ImplementingHigher Order Thinking Skills (HOTS). *PENDETA*, 9, 80–101.
- Farkas, G. (1999). Educational reform for what? *Contemporary Sociology*, 28 (2), 160-163.
- Fullan, M. (2005). *Leadership & sustainability: System thinkers in action*. Corwin Press.
- Hargreaves, A. (2005). Pushing the Boundaries of Educational Change. In A. Hargreaves et al (Eds), *Extending Educational Change: International Handbook of Educational Change*.
- Havelock, R. G. (1973). *The change agent's guide to innovation in education*. Educational Technology.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah Hingga Lepas Menengah)*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mail, Rasid (2018). *Sektor Awam Abad ke-21: Perspektif Perakaunan*. Universiti Malaysia Sabah.
- Marzni Mohamed Mokhtar, Yaakub, Rohizani Yaakub & Fadzilah Amzah (2018). *Cabaran Guru Bahasa Melayu dalam Usaha Menerapkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (Pdpc) Penulisan Karangan Argumentatif*, 7-14.
- Miles, M. B. (Ed.). ( 1964). *Innovation in Education*. New York: Teachers College Press
- Mohd Syaubari Othman & Ahmad Yunus Kassim. (2017). Isu Dan Permasalahan (Pdp) Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Dalam Amalan Pengajaran Guru Menurut Pandangan Ibn Khaldun. *Journal Of Human Capital and Development*, 10 (1), 1-18.

- Mohd Syaubari Othman. (2019). *Pelaksanaan Komposisi Pengajaran Guru Pendidikan Islam Yang Mengintegrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Bidang Akidah Sekolah Rendah Malaysia*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah: Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tidak diterbitkan.
- Mohd Syaubari Othman, Mohamad Akhir Abd Latif, & A.Zamri Husin. (2017). Cabaran dan Halangan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam yang Mengintergrasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 17, 150–168.
- Mohd Zaidi Bin Haji Mohd Zeki Ahmad Zabidi Bin Abdul Razak Rafiza Abd. Razak (2020). Cabaran Pengajaran Guru Pendidikan Islam Di Sekolah Pedalaman: Bersediakah Dalam Melaksanakan KBAT? *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 8 (1), 11-24.
- Mohd Syaubari Bin Othman (2021). Kalangan Guru Pendidikan Islam (Gpi) Sekolah Rendah Berteraskan Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 2 (8), 191-207.
- Nabihah Mohd Nawi & Mohamed Yusoff Mohd Nor. (2018). Konsep, Amalan Pengurusan Dan Pelaksanaan KBAT Di Kalangan Pentadbir Dari Sudut Persepsi Guru Di Sekolah Jajahan Kota Bharu. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(1).
- Norasmahani Nor, Nur Sofia Suhaimi, Nur Syamira Abdul Wahab, Mohd Khushairi Che Ismail, Mohd Aderi Che Noh & Khadijah Abdul Razak. (2015). Pelaksanaan KBAT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Sekolah Menengah: Satu Tinjauan di Putrajaya. *Proceeding of 7th International Seminar on Regional Education (1), Pekan baru Riau Indonesia*: 361-375.
- Nooriza Kassima & Effandi Zakaria (2015). Integrasi kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran matematik: Analisis keperluan guru. In *Prosiding Seminar Education Graduate Regional Conference (EGRC 2015)*.
- Nur Shahirah Mat Isa & Zamri Mahamod. (2021). Tahap pengetahuan, sikap dan masalah guru bahasa melayu terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran komsas. *Asian People Journal*, 4(1), 93-107.
- Radin Nur Iftitah Radin Sharudin & Mimi Mohaffyza Mohamad (2017). Penerapan Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Dalam Mata Pelajaran Teknikal Sekolah Menengah Harian. *Online Journal for TVET Practitioners*, 2(1), 1-18.
- Rogers, E. M. 1995. *Diffusion of Innovation*. Free Press, New York, NY. 4th ed.
- Sashkin, M., & Egermier, J. (1992). *School Change Model and Processes: A Review of Research and Practice*. Paper presented at annual meeting of the Merican Educational Research Association, San Francisco.
- Reigeluth, C. M., & Garfinkle, R. J. (1994). *Systemic Change In Education*. Educational Technology.
- Saifulazry Mokhtar, Mohd Kamal Mohd Shah, Habibah @ Artini Ramlie, Irma Wani Othman, Romzi Ationg and Mohd. Sohaimi Esa dan Syamsul Azizul Marinsah (2021). Rekayasa dakwah KBAT dalam kalangan mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah menerusi kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 6, 182-197.
- Siti Marlina Binti Sabran. (2013). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Pelajar Tingkatan 5 Dalam Penyelesaian Masalah Matematik*. Disertasi Sarjana; Universiti Teknologi Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Si-Rajab, S., & Musa, K. (2018). Amalan Kepimpinan Instruksional Dan Keberkesanan Penerapan Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Kbat) Dalam Pdpc Terhadap Pencapaian Sekolah: Isu Dan Persoalan. *Jurnal Pengurusan Dan Kepimpinan Pendidikan*.
- Sufean Hussin. (2004). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur:

Dewan Bahasa & Pustaka.

Tuan Rahayu Tuan Lasan 1 , Mohd Aderi Che Noh 2 , & Mohd Isa Hamzah 3 (2017). Pengetahuan, Sikap dan Kesediaan Murid Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Mata Pelajaran Tasawwur Islam. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 3,(1), 2017, 15-28.

Zaltman, G., Duncan (1977). *Innovation and Organisation*. New York: John Wiley.